

Negara Islam Perlu Tingkatkan Kegiatan R&D Untuk Kemajuan Ekonomi
Bernama
13 Ogos, 2012
Oleh Ismail Amsyar Mohd Said

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Negara-negara Islam perlu memberi penekanan terhadap kemajuan sains dan teknologi dengan meningkatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan bagi membantu kemajuan ekonomi, kata Kuasa Usaha Kedutaan Iran Dr M. S Dolatabadi.

"Kemajuan ekonomi di negara-negara Islam agak perlahan berikutan tiada tumpuan diberikan berhubung kepentingan pembangunan sains dan teknologi, yang mana (perkara ini) perlu diubah," kata Dolatabadi ketika berucap pada satu majlis bertajuk, "Perpaduan Dunia Islam: Pengalaman Iran."

Beliau berkata negara-negara Islam masih tertinggal di belakang negara-negara maju dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, penerbitan saintifik, aplikasi paten dan infrastruktur.

Institut bagi Pusat Statistik dan Data Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) menganggarkan bahawa secara purata ada 2,532 penyelidik bagi setiap sejuta di dunia, manakala Kesatuan Eropah (EU) mempunyai purata 6,494 penyelidik bagi setiap sejuta penduduknya, dan 57 negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) hanya mempunyai purata 649 penyelidik.

Bagaimanapun, negara-negara Islam mempunyai kelebihan modal insan yang besar yang termasuk demografi muda yang lebih besar, kata Dolatabadi sambil menambah bahawa para belia boleh dipupuk menjadi pemimpin dunia.

Beliau juga menyebut data OIC yang menunjukkan bahawa negara-negara Islam baru-baru ini mempunyai lebih 53 peratus daripada penduduk dunia yang berumur bawah 25 tahun.

"Belia Islam menghadapi tugas berat menegakkan perpaduan ummah di seluruh dunia. Statistik menunjukkan bahawa belia negara-negara Islam berpotensi tinggi, dan boleh dipupuk bagi membina pemimpin-pemimpin dunia. Ini satu daripada kekuatan negara-negara Islam," katanya.

Dolatabadi juga menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi negara-negara Islam yang termasuk ketidakstabilan rejim-rejim yang ada dan penderitaan rakyat Palestin.

"Ini kebanyakannya berlaku akibat perpecahan di kalangan negara-negara Islam dan kejahilan mereka mengenai keadaan penduduk Palestin," katanya sambil menambah bahawa adalah menjadi tanggungjawab untuk memupuk perpaduan di kalangan umat Islam supaya dunia menjadi sebuah tempat tinggal yang aman dan selamat.

"Kita perlu berdoa semasa bulan suci ini untuk keselamatan saudara lelaki dan wanita kita rakyat Palestin, dan juga terhadap mereka yang berdepan dengan kebuluran, kesengsaraan, perang dan penafian hak asasi manusia yang asas," kata Dolatabadi.

Majlis berbuka puasa dengan diplomat Negara-negara selatan itu adalah anjuran bersama Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG).

Sambil memuji peranan SSIG, Dolatabadi berkata inisiatif Malaysia menubuhkan badan seumpama ini membolehkan Negara-negara Selatan terutama negara-negara Islam, menjadi lebih erat dan berkongsi maklumat.

"Saya benar-benar percaya bahawa negara-negara Selatan dapat menyebar dan bertukar-tukar maklumat secara berkesan melalui inisiatif SSIG dan saya berharap kerjasama ini akan diperluas dan dibangunkan pada masa depan," katanya.

Bahagian SSIG berada di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan bertindak sebagai pusat depositori dan pertukaran bagi maklumat, berita dan bahan-bahan penyiaran dari semua Negara-negara Selatan.

Ketua misi dan diplomat dari Afghanistan, Bosnia-Herzegovina, Brunei, Kazakhstan, Laos, Afrika Selatan dan Syria turut menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687803>